



SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED SELESAIKAN ISU TAPAK PELUPUSAN SAMPAH HARAM MELALUI PENUBUHAN *TASK FORCE* ISU PENGURUSAN SISA PEPEJAL

- **86 lokasi tapak pelupusan sampah haram ditutup dan dibersihkan**
- **KPKT guna teknologi angkasa kesan lokasi tapak pelupusan sampah haram**

PUTRAJAYA, 1 Februari 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang serius isu pengurusan sisa pepejal yang sekiranya tidak diberikan perhatian akan menjaskan kesejahteraan rakyat. Sebagai langkah awal, KPKT telah menubuhkan sebuah *task force* khas bagi meneliti secara terperinci semua isu berkaitan pengurusan sisa pepejal agar ianya dapat diselesaikan dengan segera secara holistik.

YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah mempengerusikan mesyuarat *task force* yang pertama pada 31 Januari 2023 yang turut dihadiri oleh pelbagai jabatan dan agensi yang berkaitan dengan aspek pengurusan sisa pepejal iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Penubuhan *task force* ini membuktikan KPKT komited untuk melaksanakan segala tindakan ke arah pengurusan sisa pepejal yang lebih berkesan dan efektif. Tumpuan kawalan dan penguatkuasaan akan dilaksanakan di seluruh negara dengan memberikan fokus kepada Negeri Selangor sebagai negeri pertama dalam memastikan pelaksanaan usaha ini. Justeru, penglibatan dan kerjasama Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Syarikat Konsesi KDEB Waste Management adalah penting dalam mesyuarat *task force* kali ini.

"Kementerian berpandangan perkara ini perlu diberi perhatian secara serius oleh ahli - ahli *task force* supaya dapat merangka strategi yang berkesan bagi memastikan perkhidmatan pengurusan sampah dapat dilaksanakan dengan baik." kata YB KM.

Mesyuarat yang sama turut melaporkan sebanyak 86 tapak pelupusan sampah haram telah berjaya ditutup dan dijangka sasaran penutupan 100 tapak pelupusan sampah haram dalam tempoh 100 hari pentadbiran YB KM dapat dilaksanakan dalam masa terdekat.

KPKT dengan kerjasama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) telah mengaplikasikan teknologi angkasa (*remote sensing*) bagi mengesan lokasi tapak pelupusan sampah haram dengan tepat di seluruh negara bagi memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan oleh pihak berkenaan.

YB KM menegaskan isu pengurusan sisa pepejal sewajarnya diteliti dengan terperinci dan diselesaikan dengan segera bagi memberi kesejahteraan kepada rakyat Malaysia. Tambah beliau lagi, "Kegagalan menangani isu ini boleh memberi impak negatif kepada kebersihan di kawasan setempat sehingga menjadikan kualiti kesihatan dan kelestarian alam sekitar."

KPKT turut menggesa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk bersama-sama SWCorp bagi memperkasakan aspek pemantauan dan penguatkuasaan khususnya di peringkat negeri dan kerajaan tempatan. Ini penting dalam memastikan tiada sebarang kegiatan pencerobohan tanah bagi tujuan tapak pelupusan sampah haram.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

